

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI E-PEMBELAJARAN
DAN PENGARUHNYA TERHADAP KESEJAHTERAAN
PEKERJA DALAM KALANGAN KAKITANGAN
AKADEMIK DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

NOR SHAHZANANI BINTI SUDIRMAN



UMS

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2023**

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **PENGUNAAN TEKNOLOGI E-PEMBELAJARAN DAN PENGARUHNYA TERHADAP KESEJAHTERAAN PEKERJA DALAM KALANGAN KAKITANGAN AKADEMIK DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **HUBUNGAN INDUSTRI**

Saya **NOR SHAHZANANI BINTI SUDIRMAN**, Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

/

TIDAK TERHAD

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Disahkan Oleh,

**NOR SHAHZANANI BINTI
SUDIRMAN
MA1911053T**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh : 9 Oktober 2023

(Dr. Kee. Y. Sabariah Binti Kee Mohd Yussof)
Penyelia

PENGAKUAN

Tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Ogos 2023

Nor Shahzanani Binti Sudirman
MA1911053T



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENGESAHAN

NAMA : **NOR SHAHZANANI BINTI SUDIRMAN**

NO. MATRIK : **MA1911053T**

TAJUK : **PENGGUNAAN TEKNOLOGI E-PEMBELAJARAN DAN
PENGARUHNYA TERHADAP KESEJAHTERAAN PEKERJA
DALAM KALANGAN KAKITANGAN AKADEMIK DI
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **HUBUNGAN INDUSTRI**

TARIKH VIVA : **1 OGOS 2023**



DISAHKAN OLEH;

UMS
Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PENYELIA

Dr. Kee. Y. Sabariah binti Kee Mohd Yussof

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah ke hadrat ilahi. Atas izin-Nya, perjalanan pengajian sarjana saya dipermudah, sehingga akhirnya saya dapat menyiapkan penyelidikan serta penulisan tesis.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dihormati Dr Kee. Y. Sabariah binti Kee Mohd Yussof atas segala tunjuk ajar dan bimbingan, nasihat, sokongan dan motivasi sepanjang proses menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan kepada Pemeriksa/Penilai Luar dan Dalaman atas kesudian menyemak dan memberikan teguran, komen serta cadangan untuk memperbaiki lagi penulisan ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan buat pensyarah program Hubungan Industri iaitu Prof Madya Dr Dzurizah Ibrahim, Dr Noor Syakirah, Pn Salmie, En Azizan, Dr Mahadirin, En Fazli dan Dr Fauzie atas semangat dan tunjuk ajar untuk menjadi lebih baik dalam pembelajaran. Tidak lupa juga buat kakitangan Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS iaitu Puan Zaiahheila Sidik dan En Masrin Samian atas bantuan memudahkan urusan pengajian. Terima kasih buat Universiti Malaysia Sabah kerana telah memberikan peluang untuk melanjutkan pengajian sehingga ke tahap sarjana.

Buat ahli keluarga terutamanya ibu dan bapa saya iaitu Pn. Mariani binti Binjin serta En. Sudirman bin Enggau, tanpa sokongan kuat daripada mereka penulisan ini tidak mungkin berjaya saya hasilkan. Begitu juga dengan adik beradik yang tidak putus mengambil berat serta prihatin tentang pengajian sarjana saya. Saya turut mengucapkan terima kasih buat rakan seperjuangan iaitu Nassiah Gaong serta rakan-rakan yang lain atas bantuan sepanjang pengajian ini.

Nor Shahzanani Binti Sudirman

1 Ogos 2023

ABSTRAK

Revolusi industri 4.0 membawa impak yang besar dalam bidang pendidikan, yang mana telah menyebabkan wujudnya intergrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di institusi pendidikan tinggi (IPT) Malaysia. Implementasi teknologi boleh dilihat melalui pelaksanaan e-pembelajaran yang semakin meluas di seluruh IPT di Malaysia termasuk Universiti Malaysia Sabah (UMS). Amalan penggunaan e-pembelajaran memberi banyak manfaat umum, seperti menyumbang kepada suasana pembelajaran yang menarik serta sistem pembelajaran yang lebih sistematik dan fleksibel. Namun begitu, kehadiran teknologi dalam pendidikan masa kini menjadi salah satu faktor terhadap kesejahteraan pekerja seperti isu keletihan, tekanan, emosi, kekaburan peranan dan tambahan beban kerja antarakesan akibat penggunaan teknologi dalam kalangan individu. Oleh itu, kajian ini mengkaji kesejahteraan pekerja kakitangan akademik UMS akibat penggunaan teknologi e-pembelajaran melalui model UTAUT 2. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan dan menggunakan borang kaji selidik sebagai instrumen kajian. Teknik persampelan rawak digunakan dengan seramai 274 orang kakitangan akademik UMS terlibat. Kajian menggunakan analisis deskriptif dan analisis statistik inferensi untuk analisis data kajian. Hasil deskriptif mendapati tahap penggunaan e-pembelajaran berada pada tahap tinggi yang membuktikan kakitangan akademik UMS menerima, mengguna dan mengamalkan e-pembelajaran. Selain itu, dapatan kajian juga menunjukkan model UTAUT 2 signifikan dalam menilai pengaruh penggunaan teknologi terhadap kesejahteraan kehidupan-pekerjaan dan kesejahteraan psikologi pekerja. Dapatan kajian tersebut memperlihatkan dimensi jangkaan prestasi dan motivasi hedonik merupakan faktor dominan yang mempengaruhi pemboleh ubah bersandar. Di samping itu, dimensi tabiat menggunakan teknologi turut signifikan kepada kedua-dua pemboleh ubah bersandar. Berdasarkan dapatan ini, kakitangan akademik dicadangkan untuk menggunakan dan mengamalkan e-pembelajaran di tempat kerja kerana mampu meningkatkan prestasi kerja dan P&P menjadi lebih menarik. Kajian seterusnya disarankan untuk mengkaji dimensi "*personal innovativeness*" lanjutan model UTAUT 3 mengambil kira personaliti sebagai ukuran dalam penggunaan teknologi dalam kalangan kakitangan akademik.

Kata kunci: E-pembelajaran, Model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology*, Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan, Kesejahteraan Psikologi, Kakitangan Akademik.

ABSTRACT

THE USE OF E-LEARNING TECHNOLOGY AND ITS IMPACT ON THE WELL-BEING OF ACADEMIC STAFF AT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH.

The Fourth Industrial Revolution has had a significant impact on the field of education, leading to the integration of technology into teaching and learning (T&L) in Malaysian higher education institutions (HEIs). The implementation of technology can be observed through the widespread adoption of e-learning in all HEIs in Malaysia, including the University Malaysia Sabah (UMS). The practice of using e-learning provides many common benefits, such as contributing to an engaging learning environment and a more systematic and flexible learning system. However, the presence of technology in education today has become one of the factors affecting the well-being of employees such as fatigue, stress, emotions, role ambiguity, and increased workload are among the effects of technology use among individuals. Therefore, this study examines the well-being of UMS academic staff as a result of the use of e-learning technology through the UTAUT 2 Model. This study uses a survey method and employs a questionnaire as the research instrument. Random sampling techniques were used, with a total of 274 UMS academic staff members participating. The study uses descriptive analysis and inferential statistical analysis for data analysis. Descriptive results show that the level of e-learning usage is high, indicating that UMS academic staff members accept, use, and practice e-learning. Furthermore, the research findings also indicate that the UTAUT 2 Model is significant in assessing the influence of technology use on work-life well-being and employee psychological well-being. The study findings demonstrate that the dimensions of performance expectancy and hedonic motivation are dominant factors influencing dependent variables. In addition, the dimension of habit in using e-learning also significantly affects both dependent variables. Based on these findings, academic staff members are encouraged to use and practice e-learning in the workplace as it can enhance job performance and make T&L more engaging. Further research is recommended to examine the "personal innovativeness" dimension in the extended UTAUT 3 Model, taking into account personality as a measure of technology use among academic staff.

Key words: E-learning, Model Unified Theory of Acceptance and Use of Technology, Work-life Well-being , Psychological Well-being, Academic Staff.

SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
<i>ABSTRACT</i>	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1: PENGENALAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	4
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Skop Kajian	11
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Definisi Konsep	13
1.8.1 Kesejahteraan Pekerja	13
1.8.2 Kesejahteraan Kehidupan	13
1.8.3 Kesejahteraan Pekerjaan	13
1.8.4 Kesejahteraan Psikologi	14
1.8.5 E-pembelajaran	14

1.8.6	Model <i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology</i>	14
1.8.7	Jangkaan Usaha	14
1.8.8	Jangkaan Prestasi	14
1.8.9	Pengaruh Sosial	14
1.8.10	Kondisi Kemudahan	15
1.8.11	Nilai Harga	15
1.8.12	Motivasi Hedonik	15
1.8.13	Tabiat Menggunakan Teknologi	15
1.9	Pembahagian bab dalam tesis	15
1.10	Rumusan Bab	17

BAB 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	18
2.2	Konsep Kesejahteraan Pekerja	18
2.2.1	Kesejahteraan Kehidupan	20
2.2.2	Kesejahteraan Pekerjaan	21
2.2.3	Kesejahteraan Psikologi	22
2.3	Revolusi Industri	23
2.4	Teori Sistem dan Hubungan Pekerjaan	26
2.5	Teknologi Pendidikan	27
2.6	Definisi dan Konsep E-pembelajaran	28
2.7	Amalan E-pembelajaran di Peringkat Global	29
2.7.1	Amalan E-pembelajaran di Malaysia	30
2.7.2	Amalan E-pembelajaran di UMS	32
2.8	Konsep Model UTAUT	33
2.8.1	Dimensi Jangkaan Prestasi	34
2.8.2	Dimensi Jangkaan Usaha	35
2.8.3	Dimensi Pengaruh Sosial	35
2.8.4	Dimensi Kondisi Kemudahan	36

2.8.5	Dimensi Motivasi Hedonik	36
2.8.6	Dimensi Nilai Harga	37
2.8.7	Dimensi Tabiat Menggunakan Teknologi	37
2.9	Hubungan Penggunaan Teknologi E-pembelajaran melalui Model UTAUT 2 dan Kesejahteraan Pekerja	38
2.10	Hubungan E-pembelajaran dan Model UTAUT 2	40
2.11	Kerangka Kajian	42
2.12	Pembentukan Hipotesis Berdasarkan Kajian Lepas	42
2.13	Rumusan Bab	45

BAB 3: METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	46
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3	Teknik Persampelan	47
3.3.1	Populasi	47
3.3.2	Unit Analisis	49
3.3.3	Sampel Kajian	49
3.4	Teknik Pengumpulan Data	51
3.5	Instrumen Kajian	51
3.6	Pengukuran Pembolehubah	53
3.6.1	Demografi	54
3.6.2	Pengukuran Pembolehubah Bebas: Model <i>Unified Theory of Acceptance and Use of Technology 2</i>	54
3.6.3	Pengukuran Pembolehubah Bersandar: Kesejahteraan Pekerja	56
3.7	Analisis Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen	57
3.7.1	Kajian Rintis	57
3.8	Teknik Analisis Data	58
3.9	Rumusan Bab	64

BAB 4: DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	65
4.2	Perihal Data	65
4.3	Maklumat Demografi Responden	66
4.4	Persediaan Data untuk Ujian Hipotesis	69
4.4.1	Ujian Kenormalan (Normaliti)	69
4.4.2	Ujian Multikolineariti	69
4.5	Penyediaan Data	70
4.5.1	Mengenalpasti Kehilangan atau Ketiadaan Data	70
4.5.2	Analisis Data dengan Nilai Ekstrim atau Nilai Terpencil	71
4.6	Validiti Konstruk	72
4.7	Analisis Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	74
4.8	Analisis Faktor	74
4.8.1	Analisis Faktor Model <i>UTAUT Unified Theory of Acceptance and Use of Technology 2</i>	74
4.8.2	Analisis Faktor Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan dan Kesejahteraan Psikologi Pekerja	79
4.9	Penyusunan Semula Hipotesis Selepas Analisis Faktor	80
4.10	Analisis Kebolehpercayaan Selepas Analisis Faktor	82
4.11	Analisis Deskriptif Pemboleh Ubah	83
4.11.1	Analisis Deskriptif Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	83
4.11.2	Analisis Deskriptif Kesejahteraan Psikologi Pekerja	85
4.11.3	Analisis Deskriptif Penggunaan Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2)	87
4.12	Analisis Korelasi	91
4.12.1	Ujian Analisis Korelasi Pearson Terhadap Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) dengan Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	91
4.12.2	Ujian Analisis Korelasi Pearson Terhadap Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) dengan Kesejahteraan Psikologi Pekerja	93

4.13	Ujian Analisis Regresi Mudah	95
4.13.1	Ujian Regresi Mudah Terhadap E-pembelajaran (Model UTAUT 2) dengan Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	95
4.13.2	Ujian Regresi Mudah Terhadap Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pekerja	97
4.14	Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis Kajian	99
4.15	Rumusan Bab	101

BAB 5: PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	102
5.2	Ringkasan Kajian	102
5.3	Perbincangan Objektif Kajian	104
5.3.1	Tahap Kesejahteraan Pekerja Dalam Kalangan Kakitangan Akademik di UMS	105
5.3.2	Tahap Penggunaan Teknologi E-pembelajaran melalui Model UTAUT 2 Dalam Kalangan Kakitangan Akademik di UMS	108
5.3.3	Hubungan di antara Penggunaan E-pembelajaran dengan Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan dalam Kalangan Kakitangan Akademik di UMS	115
5.3.4	Hubungan di antara Penggunaan E-pembelajaran dengan Kesejahteraan Psikologi Pekerja dalam Kalangan Kakitangan Akademik di UMS	119
5.3.5	Pengaruh Penggunaan E-pembelajaran Terhadap Kesejahteraan-Kehidupan Pekerja dalam Kalangan Kakitangan Akademik di UMS	122
5.3.6	Pengaruh Penggunaan E-pembelajaran Terhadap Kesejahteraan Psikologi Pekerja dalam Kalangan Kakitangan Akademik di UMS	127
5.4	Sumbangan Kajian	131
5.4.1	Sumbangan Aspek Teoritikal	131
5.4.2	Sumbangan Aspek Praktikal	133
5.4.3	Sumbangan Aspek Metodologi	134

5.5	Limitasi Kajian	135
5.6	Cadangan Kajian di Masa Akan Datang	135
5.7	Rumusan Bab	136
	RUJUKAN	138
	LAMPIRAN	146




UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1 : Perkembangan Revolusi Industri	24
Jadual 2.2 : Pembentukan Hipotesis Berdasarkan Kajian Lepas	42
Jadual 3.1 : Senarai Fakulti Mengikut Cawangan Kampus	48
Jadual 3.2 : Penentuan Saiz Sampel	50
Jadual 3.3 : Senarai Instrumen Kajian yang Digunakan	52
Jadual 3.4 : Skala <i>Likert</i>	53
Jadual 3.5 : Item Model UTAUT 2	54
Jadual 3.6 : Item Kesejahteraan Pekerja	56
Jadual 3.7 : Keputusan Kebolehpercayaan Kajian Rintis	58
Jadual 3.8 : Teknik Analisis Data	59
Jadual 4.1 : Demografi Responden	66
Jadual 4.2 : Taburan Normaliti	69
Jadual 4.3 : Ujian Multikolineariti	70
Jadual 4.4 : Analisis Kehilangan Data	71
Jadual 4.5 : Nilai Data Terpencil	71
Jadual 4.6 : Faktor <i>Loading</i> Mengikut Saiz Sampel	73
Jadual 4.7 : Analisis Faktor terhadap Model UTAUT 2	74
Jadual 4.8 : Analisis Faktor Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan dan Kesejahteraan Psikologi Pekerja	79
Jadual 4.9 : Analisis Kebolehpercayaan Selepas Analisis Faktor	82
Jadual 4.10 : Intepretasi Skor Min	83
Jadual 4.11 : Purata Nilai Min Dimensi Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	83
Jadual 4.12 : Taburan Min Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	84
Jadual 4.13 : Purata Nilai Min Dimensi Kesejahteraan Psikologi Pekerja	85
Jadual 4.14 : Taburan Min Kesejahteraan Psikologi Pekerja	86
Jadual 4.15 : Purata Nilai Min Penggunaan Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2)	87
Jadual 4.16 : Taburan Min Model UTAUT 2	88
Jadual 4.17 : Intepretasi Nilai r	91

Jadual 4.18	: Hubungan di antara Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) dengan Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	91
Jadual 4.19	: Hubungan di antara Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) dengan Kesejahteraan Psikologi Pekerja	93
Jadual 4.20	: Pengaruh Penggunaan Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) terhadap Kesejahteraan Kehidupan-Pekerjaan	95
Jadual 4.21	: Pengaruh Penggunaan Teknologi E-pembelajaran (Model UTAUT 2) terhadap Kesejahteraan Psikologi Pekerja	97
Jadual 4.22	: Keputusan Ujian Hipotesis	99



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1 : Kerangka Kajian	42



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SIMBOL


- α - Cronbach Alpha
- % - Peratusan



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SENARAI SINGKATAN

- H** - Hipotesis
- UTAUT** - *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology*
- IPT** - Institusi Pengajian Tinggi
- P&P** - Pengajaran dan Pembelajaran
- UMS** - Universiti Malaysia Sabah
- MOOC** - *Massive Open Online Course*
- KMO** - *Kaiser-Meyer-Online*
- SPSS** - *Statistical Package for the Social Sciences*
- DePAN** - Dasar E-Pembelajaran
- iTEL** - *Interactive, Innovative, Technology enabled-Learning*
- KPI** - *Key Performance Indicator*



SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Borang kaji Selidik	146
Lampiran B : Hasil Analisis Regresi Mudah	153
Lampiran C : Hasil Analisis Korelasi Pearson	155
Lampiran D : Hasil Ujian Kebolehpercayaan	156



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Penyelidikan ini dilakukan untuk mengkaji penggunaan e-pembelajaran di institusi pengajian tinggi (IPT) khususnya di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Di samping itu, ia juga bertujuan untuk melihat pengaruh penggunaan teknologi terhadap kesejahteraan pekerja dalam kalangan kakitangan akademik.

Kesejahteraan pekerja terutamanya kakitangan akademik harus diberikan perhatian akibat penggunaan teknologi yang meluas dalam pendidikan. Tuntutan Revolusi Industri 4.0 menyebabkan implementasi teknologi berlaku sehingga kakitangan akademik perlu memenuhi keperluan tersebut. Isu-isu kesejahteraan seperti kualiti kerja menurun, ketidakmampuan untuk membuat keputusan, perubahan proses kerja dan insomnia sememangnya memberi kesan terhadap kakitangan akademik sehingga menyebabkan kegagalan untuk mengurus kerja dengan baik. Model *Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)* digunakan untuk mengkaji penggunaan teknologi e-pembelajaran serta tahap kesejahteraan pekerja dalam kalangan kakitangan akademik di UMS, seterusnya melihat pengaruh teknologi e-pembelajaran terhadap kesejahteraan pekerja, yang terdiri daripada tiga dimensi iaitu kesejahteraan kehidupan, kesejahteraan pekerjaan dan kesejahteraan psikologi.

Perkara-perkara diatas dibincangkan dengan lanjut melalui penjelasan latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan kepentingan kajian serta kerangka kajian yang digunakan dalam penyelidikan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pembudayaan dan amalan penggunaan teknologi e-pembelajaran dalam kalangan kakitangan akademik adalah salah satu usaha untuk memenuhi perkembangan kerjaya ahli akademik. Ekoran hal tersebut, timbul cabaran kepada individu untuk beradaptasi dan menggunakan teknologi dalam tempoh jangka masa panjang. Perkara ini turut membawa kesan dan pengaruh terhadap kesejahteraan kakitangan akademik. Pertubuhan Kesihatan Dunia (2014) menjelaskan definisi kesejahteraan pekerja iaitu keadaan setiap pekerja yang mana, mereka memahami keupayaan masing-masing, boleh menghadapi tekanan hidup, bekerja secara produktif dan memberi sumbangan kepada komuniti.

Kesejahteraan pekerja adalah aspek yang penting dalam sebuah organisasi. Sekaligus menggambarkan imej organisasi kepada persekitaran umum. Integrasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) perlu dilihat sebagai satu inovasi sistem yang membantu menyediakan keperluan pengguna dan penerima. Bagi konteks kajian kakitangan akademik, teknologi merupakan sokongan kepada persekitaran kerja yang mana membantu individu mengaplikasikan pembelajaran interaktif, menambah baik P&P di samping mewujudkan masa kerja fleksibel. Jelasnya, persekitaran kerja pada tahap terbaik dapat memberikan pengaruh positif terhadap kesejahteraan individu.

Statistik kesejahteraan atau darjah kegembiraan kakitangan akademik di UMS berada pada tahap sederhana iaitu 73 peratus untuk fasa dua (2) 2023. (<https://hronline.ums.edu.my/staff/web/dkums/index>). Indeks tersebut berkait rapat tentang penglibatan kakitangan akademik di tempat kerja. Menjelaskan penilaian darjah kegembiraan ini adalah melalui aspek yang dinilai iaitu kepuasan kerja, keterlibatan kerja, emosi positif dan penilaian hidup. Tahap sederhana yang direkodkan membuktikan bahawa wujud isu dalam persekitaran kerja dan salah satunya adalah penggunaan teknologi. Perkara ini mendorong kepada keperluan kajian dilakukan terhadap kakitangan akademik UMS.

Teknologi e-pembelajaran membuka ruang dan peluang bagi kakitangan akademik mengukuhkan prospek kerjaya sebagai tenaga pengajar. Selain itu, penggunaannya di tempat kerja memberikan kakitangan akademik kebebasan untuk melaksanakan tugas lain dan tidak membataskan individu dari segi masa dan tempat. E-pembelajaran bertujuan untuk melaksanakan pemindahan pengetahuan, aktiviti pembelajaran, kuliah dan tutorial yang dilakukan melalui atas talian. E-pembelajaran meliputi ciri-ciri yang melibatkan multimedia seperti audio, visual dan perbincangan atas talian. E-pembelajaran juga menerapkan pembelajaran interaktif, berinformasi serta melibatkan interaksi maya di antara pelajar dan guru atau tenaga pengajar (Cidral, 2018).

Oleh itu, berlaku Revolusi Industri 4.0 yang membawa transformasi digital yang mengutamakan penggunaan teknologi. Termasuklah bidang pendidikan, yang mana *e-learning* atau e-pembelajaran merupakan platform terkini untuk melakukan P&P. E-pembelajaran mempunyai kaedah pembelajaran yang meluas, pelbagai bentuk pendidikan serta memberi peluang kepada proses P&P dilaksanakan dalam pelbagai jenis bidang ilmiah (Rodrigues *et al.*, 2019). Sejarar dengan transformasi era Revolusi Industri 4.0, kakitangan akademik masa kini menggunakan e-pembelajaran dan pembelajaran teradun dalam sistem pengajaran seharian.

Namun begitu, e-pembelajaran dilihat telah mengubah pendidikan tradisional yang dahulunya berfokuskan kepada pertemuan fizikal seperti perbincangan, aktiviti tutorial dan pembelajaran sehingga menyebabkan segelintir individu memandang e-pembelajaran sebagai bentuk gangguan teknologi yang mengubah pendekatan pembelajaran dalam konteks pendidikan (Garrison, 2016). Teknologi mendorong kepada berlakunya beban kerja berlebihan, tekanan kerja, perubahan proses kerja, isu psikologi seperti insomnia, tekanan dan juga melibatkan isu keseimbangan kerja-kehidupan. Hal ini menyebabkan wujudnya kebimbangan penggunaan teknologi terhadap kesejahteraan pekerja.

Model UTAUT 2 digunakan untuk mengukur penggunaan teknologi dalam kalangan kakitangan akademik, iaitu jangkauan prestasi, jangkauan usaha, pengaruh sosial, kondisi kemudahan, motivasi hedonik, nilai harga dan tabiat menggunakan teknologi. Setiap daripada dimensi tersebut memainkan peranan penting untuk menilai tahap kesejahteraan pekerja dan tahap penggunaan e-pembelajaran kakitangan akademik. Persepsi kakitangan akademik penting untuk menilai penggunaan teknologi seterusnya pengaruh terhadap kesejahteraan mereka.

Oleh itu, kajian ini melihat isu teknologi e-pembelajaran dan kesejahteraan pekerja penting untuk dikaji. Hal ini kerana, kakitangan akademik merupakan tunjang keberhasilan dan kejayaan sesebuah institusi pendidikan. Bagi memastikan setiap tenaga pengajar kekal relevan dan berdaya saing dalam era Revolusi Industri 4.0, integrasi teknologi di tempat kerja adalah satu keperluan yang perlu dilaksanakan.

1.3 Permasalahan Kajian

Kesejahteraan pekerja dapat dijelaskan sebagai terma subjektif dengan konsep yang luas, di mana ia menjelaskan kegembiraan, keinginan, kemampuan dan pencapaian seseorang individu (Kundi *et al.*, 2020). Wang *et al.*, (2023) menjelaskan bahawa kesejahteraan pekerja merujuk kepada penilaian terhadap kualiti kerjaya dan pengalaman kerja dalam organisasi dan kajian beliau menyokong konsep yang diberikan oleh Zheng *et al.*, (2015) yang membahagikan kesejahteraan pekerja kepada tiga (3) iaitu kesejahteraan kehidupan, kesejahteraan pekerjaan dan kesejahteraan psikologi. Sungguhpun begitu, kebanyakan sarjana atau penyelidik mendefinisikan kesejahteraan mengikut konsep dan konteks penyelidikan masing-masing (Zheng *et al.*, 2015 ; Wang *et al.*, 2023). Oleh itu, tidak ada pembentukan definisi dan alat ukur kesejahteraan pekerja yang spesifik mengikut pekerjaan.

Pandangan sarjana ini menarik minat pengkaji untuk melihat bagaimanakah tahap kesejahteraan pekerja dalam kalangan kakitangan akademik. Tambahan pula Rurkkhum (2023) menjelaskan bahawa kesejahteraan pekerja adalah konsep yang menjadi tarikan para pengamal organisasi dan ahli akademik pada masa kini dan kajian berkaitan perlu dilakukan bagi melihat kesejahteraan pekerja dari pelbagai perspektif dan bentuk pekerjaan yang berbeza.

Sehubungan dengan itu kajian berkaitan kesejahteraan pekerja dalam kalangan kakitangan akademik perlu diberi perhatian. Yusoff *et al.*, (2021) menyatakan universiti di Malaysia telah melalui transisi dan perubahan seiring dengan perkembangan abad ke 21. Dalam kajian ini dinyatakan bekerja sebagai kakitangan akademik bukanlah sesuatu yang mudah, mereka perlu berhadapan dengan persekitaran kerja yang semakin mencabar serta perubahan dalam organisasi berlaku dengan pantas. Tugas sebagai kakitangan akademik meliputi aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyeliaan pelajar, penyelidikan dan inovasi, penerbitan dan penulisan, pengiktirafan akademik, perkhidmatan terhadap komuniti, konsultasi, kerja berkaitan pentadbiran dan membentuk jaringan industri. Malah dalam kajian ini mendapati daya tahan kakitangan akademik semakin menurun dan menganggap tanggungjawab sebagai pensyarah turut mempengaruhi *Key Performance Indicator* (KPI) universiti. Kegagalan mencapai KPI universiti menyebabkan peluang kenaikan pangkat terjejas dan dilabel sebagai individu yang tidak berusaha mencapai kemajuan diri dan organisasi. Justeru, kajian ini mendapati daya tahan kakitangan akademik perlu diberi perhatian dan mencadangkan agar kajian mengenai kesejahteraan pekerja dilakukan agar ia dapat memberi jawapan terhadap pengukuhan daya tahan kakitangan akademik dalam menunaikan tanggungjawabnya.

Sehubungan dengan itu, kajian berkaitan kesejahteraan pekerja dalam kalangan kakitangan akademik meliputi kesejahteraan psikologi dan fizikal (Morgan, 2021). Manakala menurut Akil (2023) kesejahteraan pekerja dalam kalangan pendidik meliputi kesihatan mental, kebimbangan, ketakutan dan insomnia, sedih, kurang ceria dan tidak mampu membuat keputusan. Selain itu, kesejahteraan seorang pendidik turut meliputi kepuasan kerja, bebanan kerja, tekanan untuk